



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## ALUMNI MISI SUKARELAWAN SISWA YSS DILANTIK SEBAGAI EJEN PERPADUAN

---

**KOTA KINABALU**, 17 September 2024 – Dalam usaha untuk memacu dan menggerakkan agenda perpaduan negara terutama bagi generasi muda, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan melantik ejen, duta dan ikon perpaduan dalam kalangan alumni misi sukarelawan siswa anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyempurnakan Majlis Penutup Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah dan Penyerahan Watikah Pelantikan Ejen Perpaduan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), hari ini.

Mengulas lanjut, YB Datuk Aaron berkata,"**Kesemua alumni misi sukarelawan siswa YSS akan dilantik sebagai ejen perpaduan**, manakala hanya **50 orang sahaja yang akan dilantik sebagai Duta Perpaduan** setelah melalui beberapa fasa penilaian. Selain itu, **seramai dua (2) Ikon Perpaduan** akan dipilih setiap tahun bermula tahun hadapan dan akan diumumkan di Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan".

YSS adalah agensi di bawah KPN yang mempunyai visi untuk menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara. Sejak penubuhannya pada tahun 2012 hingga 2023, YSS telah melahirkan seramai **1,797 pemimpin sukarelawan, 60 high impact volunteer mission** dan lebih **8,000 projek di peringkat komuniti**.

Dalam misi kali ini, seramai 100 orang sukarelawan daripada 56 buah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di seluruh negara telah menjalankan aktiviti sukarelawan di enam (6) buah daerah di negeri Sabah. Sebanyak 229 projek sukarelawan telah dijalankan dan dijangka telah memberi manfaat kepada seramai 24,000 orang penduduk tempatan.

KPN berharap dengan pelantikan sukarelawan siswa sebagai ejen perpaduan, para sukarelawan akan lebih bersemangat untuk mengadakan aktiviti sukarelawan di peringkat IPT dan seterusnya mendukung fokus '**Sukarelawan Tunjang Perpaduan**'.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
**17 September 2024**